

# PENGURUSAN KEBAJIKAN DALAM ISLAM: SUATU PENELITIAN

<sup>1</sup>Tengku Radziation Mardziah binti Tengku A. Razak

<sup>2</sup>Mat Noor Mat Zain

<sup>2</sup>Jabatan Syariah, FPI, UKM

<sup>1,2</sup>Institut Islam Hadhari, (HADHARI-UKM)

## ABSTRAK

Pengurusan dana merupakan salah bidang yang menarik di bawah sistem kewangan Islam yang perlu diperhalusi. Pengurusan dan pengendalian dana kebajikan secara Islam pula adalah salah satu daripada contoh pelaksanaan Sistem Kewangan Islam di badan-badan kebajikan. Justeru, kertas ini cuba membincangkan konsep dan tuntutan Islam terhadap pengurusan dan pengendalian dana kebajikan dalam Islam yang menyentuk beberapa aspek sahaja. Perbincangan ini juga akan menyentuh dari sudut operasinya dengan mengambil contoh salah sebuah institusi kebajikan di Malaysia iaitu Islamic Relief Malaysia meliputi aspek pengurusan dana yang diperolehi dan di agihkan.. Umumnya, ruang perolehan dana dalam Islam sangat luas untuk diperhalusi dalam membantu kesejahteraan golongan sasaran meneruskan kehidupan serta menanamkan semangat kerjasama dikalangan masyarakat.

Perkataan Teras : **Pengurusan Dana, Kebajikan, Dana Islamic Relief Malaysia.**

## 1.0 PENGENALAN

Keperluan dharuriyyat penting dalam kelangsungan hidup seseorang manusia. Keperluan yang mencukupi ini mampu untuk menjadikan manusia melalui kehidupan yang lebih baik. Namun, terdapat masyarakat yang tidak bernasib baik dalam kelangsungan tersebut. Oleh itu, Allah s.w.t. telah

menggalakkan manusia untuk membantu manusia yang lain bagi mencukupi keperluan dharuriyyat tersebut melalui konsep tolong menolong. Allah s.w.t berfirman :

Apabila tolong menolong tersebut diperkenalkan, konsep kebajikan mendapat tempat di kalangan masyarakat yang berkemampuan untuk membantu golongan sasaran. Walaubagaimanapun, apabila kebajikan tersebut dalam skala yang lebih besar. Keperluan kepada pengurusan yang lebih baik dan sistematik perlu ditekuni supaya tidak berlaku pembaziran dan penyelewengan. Oleh itu, pengurusan dana kebajikan perlu di perhalusi sama ada bertepatan dengan kehendak syarak yang sesuai dengan islam yang syumul.

## **2.0 PENGURUSAN DANA SECARA ISLAM**

Pengurusan bermaksud proses mendapatkan dan mencantumkan sumber-sumber kewangan (modal) manusia (buruh) dan bahan-bahan lain dengan cara yang paling optimum untuk mencapai segala objektif sesebuah organisasi<sup>1</sup>.

Pengurusan dalam Islam pula dapat didefinisikan sebagai memenuhi tuntutan 'uqud antara manusia dan tuhan, melalui proses menguruskan tenaga manusia untuk mencapai matlamat al-falah berdasarkan etika tauhid. Terdapat dua objektif iaitu kebahagiaan di dunia dan kebahagiaan di akhirat<sup>2</sup>

Di antara objektif pengurusan dalam Islam ialah:

- i. Objektif yang tidak bertentangan dengan syariah
- ii. Sesuatu yang tidak mustahil dapat dicapai
- iii. Bersesuaian dengan kehendak dan naluri manusia, organisasi dan perkembangan zaman.
- iv. Mencari keredhaan tuhan melalui pengurusan. <sup>3</sup>

## **3.0 KEBAJIKAN DALAM EKONOMI ISLAM**

Matlamat kehidupan manusia di dunia ialah untuk mencapai matlamat al-falah iaitu kebajikan di dunia dan di akhirat. Konsep al-falah boleh membawa maksud kebajikan dalam Islam selaras dengan tanggungjawab manusia di dunia

---

1 Syed Othman,1989, Islam, Ekonomi dan Pengurusan, Shah Alam : Penerbitan Hizbi, hlmn 9

2 Ab.Aziz, Ahmad Bashir. 2008. Pengurusan Perniagaan Islam. Kedah : Universiti Utara Malaysia.hlmn 19

3 Ibid, 129-131.

dan akhirat tanpa berlaku pertembungan seperti yang diamalkan di dalam kebajikan ekonomi barat yang merujuk keadilan kebendaan dunia sahaja<sup>4</sup>

Pengertian kebajikan tidak mempunyai maksud yang khusus, namun menurut kamus dewan kebajikan berasal dari perkataan bajik yang bermaksud sesuatu yang membawa kepada kebaikan atau perbuatan baik seperti mana sabda Rasulullah s.a.w “ sesungguhnya orang Islam itu bersaudara, tidak dikatakan kamu beriman melainkan kamu menyayangi saudara kamu sendiri”.

Secara umumnya, kebajikan Islam merupakan bantuan yang diberikan kepada sekumpulan individu tanpa mengharapkan apa-apa balasan sama ada dari segi fizikal atau tidak. Perbuatan tersebut adalah untuk mendapat keredhaan Allah s.w.t<sup>5</sup>. Yusuf al-Qardhawi, juga mendefinisikan kebajikan sebagai *wakaf khairi* yang bermaksud harta yang dikeluarkan dari milik seseorang dan di ambil manfaatnya oleh sesuatu lembaga sosial Islam dengan tujuan untuk memperolehi pahala di sisi Allah. Menurutnyalagi, proses ini merupakan proses takaful (saling tanggung menanggung) dalam masyarakat Islam yang mana kemurniaan hati untuk melakukan kebajikan<sup>6</sup>.

#### 4.0 PRINSIP ASAS PENERIMAAN DANA KEBAJIKAN

Sumber dana patuh syarak dalam konteks kewangan di Malaysia ialah transaksi yang memenuhi tiga aspek yang memenuhi prinsip perundangan Islam iaitu larangan riba, ketidakpastian atau gharar yang melibatkan perjudian dan perkhidmatan yang tidak beretika manakalah sumber dana tidak patuh syarak ialah sumber yang diperolehi daripada aktiviti tidak berlandaskan syarak sama ada mengambil harta yang terdapat larangan seperti riba dan judi atau barangan hasil curi dan rompak atau aktiviti yang tidak beretika menurut Majlis Penasihat Syariah<sup>7</sup>. Harta tidak patuh syariah ini juga termasuklah gharar, riba, penipuan, rampasan rasuah dan apa-apa urusan yang diharamkan<sup>8</sup>.

4 Surtahman & Sanep. 2005. Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlmn 178-179.

5 Zainur & nafid, 2011, Amal al-tatawaie wa majalat al-ijtimaie fi as-sunnah an-nabawiyah, hlmn

6 Ms 220,yusuf

7 Muhammad Hafiz, 2012, Dwnekonomi.dbp.my/wordpress/?p=263 ,Mohamed Hadi,2011, Majlis Penasihat Syariah Nasihat Yang harus diikuti, Jurnal Muamalat, Purajaya : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, (4, 187-198), hlmn 189.

8 Zulkifli, (t.t) Pengurusan Harta Tidak Patuh Syarak.

### **i. Larangan riba**

Riba bermaksud penambahan (al-ziyadah). Dari maksud syarak riba bermaksud penambahan dalam perkara-perkara yang tertentu. Pengertian riba menurut imam hanafi ialah lebih suatu harta tanpa tukaran (gantian) di dalam suatu kontrak tukaran harta dengan harta. Maksud riba di atas termasuklah ketiga-tiga jenis riba iaitu riba an-nasiah dan jual beli fasid (al-buyu' al-fasidah)<sup>9</sup>. Pengharaman riba di dalam al-Quran dalam surah al-Baqarah, ayat 275 :

*“ Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba’*

Hadis yang menyatakan pengharaman berurusniaga melalui riba iaitu :

*“jauhkanlah tujuh perkara yang membinasakan (dosa besar), disebut antaranya menamakan riba”<sup>10</sup>*

Akibat dosa dari urusniaga riba ini bukan sahaja terletak pada pemakan riba tetapi kepada saksinya riba dan penulis-penulis yang berkaitan riba’ berdasarkan hadis Ibnu Mas’od :

“Rasulullah s.a.w melaknat orang yang memakan riba’, orang memberi makan, saksinya dan penulisnya<sup>11</sup>”.

Di antara kaedah fiqh yang berkaitan dengan pengharaman riba’ ialah :

*“perkara yang harus membawa kepada yang haram makan haram hukumnya”*

Kaedah di atas menerangkan bahawa sumber dana yang datang daripada jalan yang tidak syarie, maka haram hukumnya dalam penerimaan sumber tersebut. Namun, Islam tidak menggalakkan untuk manusia mencari-cari terlalu mendalam mengenai perkara yang secara zahirnya tidak berlaku riba’ dengan menggunakan pendekatan syarak :

*“Mua`malah diasaskan atas perkara yang zahir, dan adalah dimaklumi bahawa perkara batin adalah tersembunyi, tidak disandarkan ke atasnya sesuatu hukum.”*

---

9 Wahbah Zuhaili, al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuh, Beirut : Darl Fikr, hlmn. 678

10 Sahih Muslim

11 Riwayat abu daud

## ii. Larangan gharar.

Gharar bermaksud jual beli yang akan menyebabkan kerugian atau bahaya ke atas penjual dan pembeli. Al-Zarqa' mentakrifkan sebagai menjual sesuatu yang diragui tentang kewujudannya atau had-hadnya<sup>12</sup>

Hadis Rasulullah s.a.w ada menyatakan bahawa :

*“ Rasulullah s.a.w melarang segala jual beli gharar ”*

Secara umumnya gharar akan tetap berlaku dalam muamalat yang mempunyai beberapa peringkat. Hadis di atas menggunakan lafaz umum yang bukan mutlak dalam larangan berurusniaga melibatkan gharar kerana perlu dilihat kemaslahatan umum yang mana gharar tetap berlaku untuk mengembangkan muamalat dan tidak menetapkan hukum tanpa melihat kepada maqasid syariyyah<sup>13</sup>.

Para fuqaha' telah menentukan hukum gharar berdasarkan tahap kewujudan gharar dalam urusaniaga iaitu :

- a. Gharar dan jahalah yang banyak diharamkan dengan ijma' ulama' seperti menjual ikan di lautan.
- b. Gharar dan jahalah sedikit diharuskan dengan ijma' ulama' seperti benang untuk membuat jubah
- c. Gharar dan jahalah yang sama banyak, ulama' berselisih pendapat dan perlu perbincangan yang lebih lanjut<sup>14</sup>

## iii. Penerimaan dana yang bercampur di antara sumber patuh syarak dan tidak patuh syarak.

Dalam konteks sumber dana, pelbagai dana yang diterima di pasaran yang mempunyai penglibatan harta Memandangkan sumber dana dalam pasaran kewangan pada masa kini adalah bercampur, namun sekatan kepada sumber dana tidak patuh syariah tidak bercampur adalah baik di sisi Islam tetapi perlu tidak

12 Wahbah Zuhaili, al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuh, Beirut : Darl Fikr, hlmn 451

13 Badrul Hakimi, 2013, Kaedah Syarak (Dhawabit Ammah) Mengenai ganjaran Dalam urusaniaga semasa, Digest PMS, Pahang : Politeknik Muadzam Shah (4) (23-30), hlmn 27.

14 Wahbah Zuhaili, al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuh, Beirut : Darl Fikr, hlmn 454

perlu diteliti sumber tersebut kerana ianya sukar dikawal<sup>15</sup>. Oleh itu, kaedah fiqh ini sesuai dengan hakikat yang berlaku:

*“Sesuatuk hukum diasaskan atas apa-apa yang zahir, adapun, hal-hal yang tersembunyi itu Allah SWT sahaja yang mengetahuinya.”*

Berdasarkan kaedah di atas hanya Allah s.w.t sahaja yang mengetahui dana yang bercampur tersebut. Sekiranya, dilihat dari sudut kemaslahatan umum, kaedah syaraka terpakai dalam isu percampuran dana patuh syara' dan tidak patuh syariah ialah :

*“Hukum asas dalam urusan muamalat ialah kembali melihat tujuannya dan maslahat kebaikan (yang boleh dicapai daripadanya)”*

Kaedah ini didasarkan dengan hadis Rasulullah s.a.w :

*“Apa-apa yang dihalalkan oleh Allah maka ia halal, dan apa-apa yang diharamkan-Nya adalah haram, manakala apa yang tidak disebut adalah diampunkan. Terimalah kemudahan daripada Allah, dan sesungguhnya Allah tidak lupa akan sesuatu apapun.”<sup>16</sup>*

## **5.0 PENGURUSAN DANA KEBAJIKAN DALAM ISLAM**

### **5.1 PEROLEHAN DANA KEBAJIKAN**

Aliran dana dalam ekonomi melibatkan dua perkara penting, iaitu sumber sesuatu dana tersebut diperolehi dan penggunaan dana. Punca utama dana dalam ekonomi ialah daripada simpanan seseorang, syarikat, kerajaan dan luar negeri. Dana tersebut digelar sebagai lebihan yang disimpan dengan tujuan menjamin keselamatan dana atau sebagai pelaburan sewaktu kecemasan. Bentuk dana yang disimpan sama ada dalam bentuk wang, bil, pinjaman bon, simpanan unit tabung, insurans, saha dan pelaburan (Norhazimah, 2012)

Perolehan dana juga dibuat melalui kutipan yang telah di buat sama ada secara individu seperti kutipan di masjid, majlis-majlis ilmu atau program-program yang berbentuk sumbangan. Pada masa kini, dilihat berlaku peningkatan kutipan

---

15 Anon,2010, Isu-Isu Syariah berkaitan dengan kewangan Islam, Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam bab 4, Kuala Lumpur : Bank Negara Malaysia hlmn 198

16 *Riwayat al-Bazzar, al-Tabarani daripada Abu Darda', sanad hasan*

melalui bentuk kutipan tabung, sumbangan (individu, firma, korporat) beserta sumbangan daripada Majlis Agama Islam Negeri. Terdapat juga hasil dari sewaan bilik-bilik kecil. Kebiasaannya, institusi yang memperoleh dana dalam bentuk ini ialah institusi masjid (Yahya et al, 2012)

Selain itu, terdapat pengurusan dalam perolehan dana yang dapat dilakukan dalam menjamin pengurusan perolehan dana kebajikan yang berbentuk matawang yang mana lebih mudah untuk diuruskan oleh badan-badan kebajikan. Menurut Jalil (2008) terdapat tiga (3) dana *ijtima'I* yang berpotensi untuk dibangunkan dalam skala besar di dalam sistem ekonomi dan kewangan Islam. Dana-dana tersebut ialah dana zakat, harta wakaf, sedekah dan fidyah<sup>17</sup>

Zakat merupakan salah satu sumber perolehan dana yang telah ditetapkan dalam al-Quran, Firman Allah s.w.t dalam surah ar-rum ayat 39:

*“Ambillah zakat dari sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan menyucikan mereka, dan berdoalah untuk mereka, sesungguhnya doa kamu itu menjadi ketentraman jiwa buat mereka dan Allah maha mendengar lagi maha mengetahui”*

Zakat bukan bentuk derma pilihan tetapi wajib dikeluarkan oleh golongan yang cukup syarat-syaratnya. Walaubagaimanapun, dalam konteks kebajikan perolehan dana zakat merupakan salah satu instrumen perolehan dana dalam kebajikan Islam. Menurut Zulkifli (2014) salah satu golongan yang layak mendapat zakat ialah golongan yang menjadi mangsa banjir termasuk dalam golongan yang keenam iaitu al-gharimin dengan memenuhi 3 kategori utama iaitu:

- i. Mereka yang hartanya dihanyut oleh air banjir atau bah
- ii. Mereka yang ditimpa kebakaran dan musibah yang menyebabkan kehilangan harta
- iii. Mereka yang mempunyai tanggungan dan tiada baginya harta untuk diinfakkan kepada tanggungan tersebut.

Jesteru, pemberian zakat melalui asnaf keenam mampu dijadikan sebagai saluran untuk memperoleh dana kebajikan dalam Islam.

---

<sup>17</sup> Anon, 2009, Beritan harian

Dalam konsep kebajikan, wakaf merupakan salah satu instrument kebajikan dalam Islam iaitu bermatlamat untuk mengembalikan kebajikannya kepada masyarakat. Harta wakaf merupakan potensi yang besar dalam membangunkan ekonomi umat Islam dan dapat membiayai kepentingan sosial serta kebudayaan masyarakat Islam. Selain itu, melalui instrumen ini mampu untuk memberi peluang pekerjaan, kegiatan penyelidikan dan mengurangkan pengurusan yang ditanggung oleh kerajaan. Namun, ia bergantung kepada pengurusan yang dinamik terhadap harta wakaf tersebut.<sup>18</sup>

Selain itu, Menurut Khairul & Sanep (2014) terdapat instrumen baru dalam kewangan Islam iaitu wakaf tunai . Menurut Azri (2014) wakaf tunai ialah sejumlah wang tunai yang diberikan kepada institusi pengurusan yang sah dikumpulkan dan dijadikan modal bagi menukar dana kepada harta yang kekal atau membiayai aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan wakaf. Kelebihan wakaf tunai berbanding wakaf biasa ialah sumbangan seseorang itu lebih minimum dan murah serta boleh dilakukan melalui potongan gaji pada setiap bulan<sup>19</sup>

Manakala Pensyariatan fidyah dalam Islam telah di rakamkan di dalam al-Quran dalam surah al-Baqarah ayat 184 :

(Iaitu) dalam beberapa hari yang tertentu. Maka barang siapa di antara kamu ada yang sakit atau dalam perjalanan (lalu ia berbuka), maka (wajiblah baginya berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain. Dan wajib bagi orang-orang yang berat menjalankannya (jika mereka tidak berpuasa) membayar fidyah, (iaitu): memberi makan seorang miskin. Barang siapa yang dengan kerelaan hati mengerjakan kebajikan, maka itulah yang lebih baik baginya. Dan berpuasa lebih baik bagimu jika kamu mengetahui.

Fidyah merupakan salah satu penebusan menggunakan harta atau selainnya apabila sesuatu ibadah yang wajib dilakukan ke atasnya kekurangan amalanya. Fidyah perlu dikeluarkan oleh golongan yang tidak berpuasa, golongan yang tidak bersolat atas sebab tertentu dan kekurangan amalan dalam ibadah haji

---

18 Ahmad Zaki, 2008, Wakaf Pengurusan dan Sumbangannya terhadap pendidikan Islam di Malaysia, Shah Alam: Universiti Teknologi MARA.

19 [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0218&sec=Bicara\\_Agama&pg=ba\\_01.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0218&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm)



seseorang. Setiap fidyah yang dibayar ialah mud makanan yang sah dijadikan zakat fitrah<sup>20</sup>

Walaupun dalam mazhab Shafi'i yang menjadi amalan penduduk Nusantara tidak membenarkan zakat atau fidyah dibayar dengan nilai wang, namun sesetengah pihak berkuasa agama membenarkan kita untuk bertaqlid kepada mazhab Hanafi dengan mengharuskan pembayaran melalui mata wang sebagai nilai bagi zakat atau fidyah yang dikeluarkan. Ini dinyatakan dalam Fatwa kerajaan Brunei Darussalam yang sejalan dengan fatwa negeri Pulau Pinang. Manakala fatwa negeri Selangor menetapkan tidak boleh dibayar fidyah menggunakan nilai duit sebagai ganti beras<sup>21</sup>.

Sasaran pembayaran fidyah ini sepertimana yang dirakamkan dalam surah al-Baqarah ayat 184 iaitu fakir dan miskin. Dalam konteks kebajikan, pembayaran fidyah merupakan salah satu perolehan dana yang dapat membantu kebajikan masyarakat dari sudut pemberian makanan kepada fakir miskin.

## 5.2 AGIHAN DANA KEBAJIKAN

Agihan bermaksud pemecahana. Menurut fuqaha' agihan diertikan sebagai penentuan bahagian tertentu iaitu mengasingkan bahagian tertentu dalam hasta, timbangan atau ukuran. Selain itu, agihan boleh dimaksudkan dengan mengasingkan sebahagian daripada keseluruhan dan menukarkan sebahagian dengan sebahagian yang lain.

Faktor pengagihan sesuatu dana ialah kepada yang memiliki hak utama dana mereka yang memiliki hak kedua.

### i. Mereka yang memiliki hak utama

Golongan ini merupakan factor-faktor pengeluaran yang telah mengambil bahagian dalam proses pengeluaran. Hak ini terdapat dalam bentuk upah, sewa dan untung.

### ii. Mereka yang memiliki hak kedua

Golongan yang tidak terlibat secara langsung dalam pengeluaran. Hak mereka diperolehi melalui ketetapan-ketetapan yang ditetapkan Allah s.w.t

20 Anon, 2014, Brunei Darussalam, Puasa dan Zakat, Himpunan Fatwa Mufti Kerajaan 1994- 2012, Jabatan Mufti kerajaan Jabatan Perdana Menteri. MS 34-35

21 [http://www.e-fatwa.gov.my/mufti/fatwa\\_search\\_result.asp?keyID=612](http://www.e-fatwa.gov.my/mufti/fatwa_search_result.asp?keyID=612). 26 November 2007.

ke atas pengeluar-pengeluar harta untuk dijadikan mereka ini sebagai rakan kongsi terhadap harta pengeluar-pengeluar tersebut. Bagi mencapai matlamat pengagihan ini, Islam telah menetapkan satu system yang teratur dan kemas. Menurut Islam, setiap individu dalam golongan kedua ini adalah juga berhak kepada harta yang dihasiilkan krana pemilik-pemilik hak utama atau primer terhadap harta mesti memberi harta tersebut ekoran dari terikat dengan kewajipan yang ditetapkan oleh Allah<sup>22</sup>.

### **5.2.1 PELABURAN**

Perkataan pelaburan dalam bahasa Arab ialah *'Istithmar*, yang berasal daripada kalimah *thamara*, iaitu buah, bermaksud tuntutan untuk membuahkan atau memperbanyak. Dikatakan bahawa seseorang itu memperbanyak hartanya dengan melaburkannya, iaitu memperbanyak dengan menyuburkannya (al-Qal'ah Ji *et al.*(1988).

Menurut Hafiz (2015) Hukum pelaburan pada asalnya ialah harus. Pelaburan terhadap wang sedekah atau zakat telah dibincangkan oleh ulama. Perbincangan berkaitan dengan pelaburan sedekah ini tidak dijadikan kupasan oleh para ulama terdahulu disebabkan tiada keperluan untuk menetapkan hukum pada masa tersebut. Walaubagaimanapun, terdapat sandaran hokum yang boleh dijadikan sebagai sandaran yang membolehkan dana kebajikan ini di laburkan

### **5.3 PENGURUSAN DAN AKEBAJIKAN DI ISLAMIC RELIEF MALAYSIA**

Islamic Relief Malaysia ditubuhkan sebagai tempat pengumpulan dana untuk disumbangkan ke kawasan-kawasan yang berkonflik, bencana alam dan sebagainya. Sasaran utama dalam pengurusan dana di IRM meliputi perlindungan nyawa dan maruah, berkaitan dengan komuniti dan memperkukuhkan kerjasama di antara IR di seluruh dunia.

Pengurusan dana di IRM melibatkan dua aspek iaitu dana kecemasan dan dana pembangunan. Bagi dana kecemasan Perolehan dana dan pengagihan dana yang dilakukan oleh Islamic Relief Malaysia.

---

22 Mahyudin Khalid, 2011, Pengagihan menurut Ekonomi Islam, Slaid. Shah Alam : Universiti Teknologi MARA.

### **i. MySedekah**

My Sedekah merupakan perolehan dana yang terbesar dalam projek dana yang di ilhamkan oleh IRM. Melalui kaedah Mysedekah ini, IRM telah berjaya menyumbang manfaat kepada 9 juta orang termasuk warga tempatan. Terdapat beberapa elemen yang ditekankan dalam kaedah ini meliputi kesihatan, kebersihan, kecemasan, pendidikan dan lain-lain. Golongan sasaran yang menerima manfaat dari perolehan dana Mysedekah ini termasuklah miskin, anak yatim, mangsa bencana alam, mangsa peperangan dan sebagainya.

MySedekah merupakan sumbangan berbentuk umum yang boleh di agihkan kepada semua jenis bantuan. Pada tahun 2015, di antara bantuan yang ditaja ialah “gift of hope”, bantuan kemanusiaan, pembangunan palestina dan sebagainya<sup>23</sup>

### **ii. Zakat/ Fidyah**

Perolehan dana melalui zakat dilaksanakan di IRM dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Perlis (MAIP). IRM menerima pembayaran zakat yang dibuat terus kepada ibu pejabat IRM sebagai amil. Apabila dana tersebut dikumpulkan, pihak MAIP akan memberikan 4/8 bahagian kutipan zakat yang telah dikutip kepada ibu pejabat IRM untuk diagihkan dan 1/8 dari jumlah tersebut diterima oleh IRM sebagai amil zakat.

Pengurusan fidyah pula dilakukan oleh IRM dengan memberikan bantuan dari segi makanan. Walaubagaimanapun, terdapat halangan dalam menghantar makanan tersebut kerana melibatkan kos pengangkutan dari pihak IRM. IRM mengambil inisiatif dengan menghantar sumbangan dari fidyah tersebut bersama-sama dengan dana yang lain seperti MySedekah dan sumber zakat. Atas inisiatif itu, IRM dapat memberikan nilai fidyah yang sama sepertimana yang dibayar.

### **iii. Penajaan al-Yateem sponsor.**

Program penajaan al-Yateem sponsor merupakan penajaan terhadap seorang anak yatim sama ada di dalam dan diluar Negara. Penajaan tersebut meliputi makanan, penjagaan kesihatan, perlindungan tempat tinggal, pendidikan dan keselamatan.

---

23 Anon, 2015, Buletin Kemanusiaan Islamic Relief Malaysia, Bangi : Islamic Relief Malaysia.

Bagi bantuan di Palestin, IRM telah memulihkan sekolah, memberi bantuan psikologi kepada kanak-kanak trauma dan memberi pendedahan kepada ibu atau bapa bagi menghadapi pelajar trauma<sup>24</sup>.

#### **iv. Pelaburan**

IRM tidak melibatkan dana dalam pelaburan secara langsung. Walau bagaimanapun, IRM mengambil inisiatif membuka Charity Shoppe di bangunan IRM menggunakan dana yang disumbangkan.

Di peringkat antarabangsa, IRW telah membuat pelaburan melalui syarikat TIC International yang ditubuhkan pada 1993. Syarikat ini milik sepenuhnya IRW yang tidak mempunyai keuntungan kepada mana-mana stakeholder atau individu. TIC merupakan sebuah kilang yang memproses makanan dan pakaian untuk dihantar ke neara-negara yang memerlukan bantuan.

#### **Makanan**

Pada peringkat permulaan TIC merupakan kilang memproses daging dalam tin sejak 18 tahun yang lalu. Daging tersebut diproses dengan mengekalkan nutrisi, jangka hayat dan dijamin halal. Di antara daging yang diproses ialah daging yang telah disembelih pada waktu hari raya korban dan diagihkan kepada lebih 14 buah Negara. Pemilihan pemprosesan daging dalam syarikat ini ialah kerana sesuai dengann masyarakat diseluruh dunia.

#### **Pakaian**

TICI menggalakkan untuk orang ramai menyumbangkan pakaian terpakai atau tidak untuk diagihkan kepada kawasan-kawasan yang berlaku konflik terutamanya pakaian yang sesuai pada musim sejuk untuk melindungi kesihatan golongan sasaran<sup>25</sup>.

### **6.0 KESIMPULAN**

Pengurusan dana kebajikan dalam Islam membawa satu fenomena baru pada zaman ini apabila dana kebajikan tersebut diterima dalam skala yang besar. Apabila sektor kerajaan tidak mampu untuk memenuhi permintaan barangan

---

24 <http://islamic-relief.org.my/index.php/about-us/annual-report>

25 <http://tic-int.co.uk/>

awam tidak bersifat kolektif, sektor ketiga iaitu sektor kebajikan mengambil alih dalam memenuhi kehendak sosial tersebut<sup>26</sup>. Oleh itu, Islam telah menyediakan ruang yang luas dalam memenuhi kehendak sosial terutamanya dalam perolehan dana sama ada perolehan yang ditetapkan oleh Islam seperti zakat atau tidak ditetapkan tetapi mempunyai kelebihan di sisi Allah s.w.t seperti wakaf, sedekah dan sebagainya. Kepesatan sistem kewangan Islam telah membawa banyak perubahan dalam penerimaan dana dalam Islam termasuklah kaedah kotemporari seperti wakaf tunai dan keharusan penerimaan dana yang tidak patuh syarak. Islamic Relief mengorak langkah dalam memenuhi tanggungjawab sosial tetapi perolehan dana yang disediakan ialah terhad. Walaubagaimanapun, perolehan dana yang diterima di IRM mencukupi dalam memenuhi permintaan tersebut.

### RUJUKAN

- Ab.Aziz, Ahmad Bashir. 2008. Pengurusan Perniagaan Islam. Kedah : Universiti Utara Malaysia
- Anon, 2015, Buletin Kemanusiaan Islamic Relief Malaysia, Bangi : Islamic Relief Malaysia
- Anon, 2010, Isu-Isu Syariah berkaitan dengan kewangan Islam, Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam bab 4, Kuala Lumpur : Bank Negara Malaysia
- Ahmad Zaki, 2008, Wakaf Pengurusan dan Sumbangannya terhadap pendidikan Islam di Malaysia, Shah Alam: Universiti Teknologi MARA
- Anon. 2014. Brunei Darussalam, Puasa dan Zakat, Himpunan Fatwa Mufti Kerajaan 1994-2012. Brunei: Jabatan Mufti kerajaan Jabatan Perdana Menteri
- Badrul Hakimi, 2013, Kaedah Syarak (Dhawabit Ammah) Mengenai ganjaran Dalam urusaniaga semasa, *Digest PMS, Pahang* : Politeknik Muadzam Shah (4) (23-30).
- Norhazimah. 2007. Sistem Pengurusan Dana Secara Islam: Satu Penelitian. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri. 1(2) 82-100

---

<sup>26</sup> Maisyarah, 2014, Pandangan Terhadap Peranan Dan Tingkahlaku Organisasi Bukan Untung: Beberapa Dasar Aplikasi, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mahyudin Khalid, 2011, Pengagihan menurut Ekonomi Islam, Slaid. Shah Alam : Universiti Teknologi MARA.
- Mohd Hafiz. 2015. Pelaburan Dana Sedekah Menurut Perspektif Syariah: Satu Tinjauan. Johor : Kolej Pengajian Islam Johor
- Maisyarah.2014.*Pandangan Terhadap Peranan Dan Tingkahlaku Organisasi Bukan Untung: Beberapa Dasar Aplikasi*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Hafiz.2012. [Dwekonomi.dbp.my/wordpress/?p=263](http://dwekonomi.dbp.my/wordpress/?p=263) Capaian pada
- Mohamed Hadi.2011. Majlis Penasihat Syariah Nasihat Yang harus diikuti, *Jurnal Muamalat*, Purajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, (4, 187-198)
- Syed Othman.1989. *Islam, Ekonomi dan Pengurusan*. Shah Alam : Penerbitan Hizbi
- Surtahman & Sanep. 2005. *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wahbah Zuahili.1996. *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuh*. Beirut : Darl Fikr.
- Zainur & nafid. 2011. *Amal al-tatawaie wa majalat al-ijtimaie fi as-sunnah an-nabawiyah*.
- [http://www.e-fatwa.gov.my/mufti/fatwa\\_search\\_result.asp?keyID=612](http://www.e-fatwa.gov.my/mufti/fatwa_search_result.asp?keyID=612). 26 Mac 2016
- [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0218&sec=Bicara\\_Agama&pg=ba\\_1.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0218&sec=Bicara_Agama&pg=ba_1.htm)
- <http://islamic-relief.org.my/index.php/about-us/annual-report>. 30 Mac 2016